

LAPORAN TAHUNAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2018



ASN Equity 2

[dahulunya dikenali sebagai
Amanah Saham Nasional 2 "ASN 2"]



www.asnb.com.my

NOTIS PENTING

Mulai April 2018, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim bagi kesemua tabung unit amanah ASNB adalah secara elektronik kepada semua pemegang unit. Penyata pengagihan pendapatan akan dihantar ke alamat e-mel yang berdaftar dengan ASNB, manakala laporan tahunan dan/atau laporan interim boleh diakses melalui laman web ASNB www.asnb.com.my.

Pemegang unit/penjaga berdaftar boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Penyata Pengagihan Pendapatan secara fizikal dengan menghadirkan diri ke cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara atau dengan melaksanakan cetakan layan diri melalui ASNB Portal.

Bagi pemegang unit yang telah memaklumkan kepada pihak ASNB secara bertulis untuk menerima penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara fizikal, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim akan di buat melalui pos kepada alamat pemegang unit berdaftar dengan ASNB dalam tempoh dua bulan selepas tahun kewangan berakhir atau tempoh interim.

Pemegang unit/penjaga berdaftar juga boleh membatalkan persetujuan yang telah dibuat bagi penerimaan penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara elektronik pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada ASNB secara bertulis dengan menyatakan maklumat pemegang unit iaitu nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat surat menyurat, alamat emel dan nombor ahli bagi mana-mana produk ASNB ke cawangan ASNB yang berhampiran atau, e-mel ke asnbcare@pnb.com.my.

Terima Kasih.

***Untuk keterangan lanjut sila hubungi
Jabatan Pengurusan Ejen dan Perhubungan Pelanggan
Di talian 03-2057 3000 atau emel ke asnb@pnb.com.my***

ISI KANDUNGAN

ASN EQUITY 2

(dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 2, "ASN 2")

NO. TAJUK	MUKA SURAT
I. Maklumat Tabung	2
II. Prestasi Tabung	3
III. Laporan Pengurus	8
IV. Penyata Pengurus	14
V. Penyataan Pemegang Amanah	15
VI. Laporan Juruaudit Bebas	16
VII. Penyata Kewangan	
A. Penyata Untung Atau Rugi	20
B. Penyata Pendapatan Komprehensif	21
C. Penyata Kedudukan Kewangan	22
D. Penyata Perubahan dalam Ekuiti	23
E. Penyata Aliran Tunai	24
F. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	25-58
VIII. Alamat Cawangan ASN	59
IX. Maklumat Korporat	64

LAPORAN PENGURUS



(dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 2, "ASN 2")

Pemegang-pemegang unit ASN Equity 2 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity 2, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN Equity 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018.

I. MAKLUMAT TABUNG

A. KATEGORI/ JENIS TABUNG

Nama Tabung ¹	Kategori	Jenis Tabung
ASN EQUITY 2	Ekuiti	Pertumbuhan

Nota:

1. Berkuatkuasa 1 Mei 2018, nama tabung dipinda seperti jadual diatas.

B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity 2 adalah memberi peluang kepada pemegang-pemegang unit untuk mendapat pulangan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pulangan modal pada tahap risiko yang berpatutan melalui pelaburan dalam kepelbagaian portfolio sekuriti, terutamanya dalam ekuiti sekuriti Malaysia selaras dengan Suratikatan, Garis Panduan dan undang-undang sekuriti.

C. PENANDA ARAS TABUNG

Berkuatkuasa 1 Mei 2018, ASN Equity 2 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 ("FBM 100") dan kadar deposit tetap Maybank 12-bulan ("Maybank 12-bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
FBM 100 <i>(sumber: www.bursamalaysia.com.my)</i>	80
Maybank 12-bulan <i>(sumber: www.maybank2u.com.my)</i>	20

D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Equity 2 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

E. PEGANGAN UNIT

Pada 30 Jun 2018 seramai 29,826 individu telah menyertai ASN Equity 2. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	12,972	43.49	21,452,677	1.42
5,001 hingga 10,000	3,440	11.53	25,506,860	1.69
10,001 hingga 50,000	7,992	26.80	190,376,320	12.59
50,001 hingga 500,000	4,976	16.68	708,569,031	46.87
500,001 dan ke atas	446	1.50	565,760,212	37.43
JUMLAH	29,826	100.00	1,511,665,100	100.00

II. PRESTASI TABUNG

A. PERUMPUKAN ASET

(i) Perumpukan Aset bagi ASN Equity 2 adalah seperti berikut:

Komponen Aset Dalam Portfolio	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (%)		
	2018	2017	2016
Pelaburan Ekuiti Disebut Harga:	69.34	86.07	84.20
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
i. Sekuriti Modal Bercantum	-	0.56	0.62
ii. Sekuriti Bependapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	2.64	2.76	3.00
iii. Lain-lain instrumen Pelaburan Modal dan Aset Bersih	28.02	10.61	12.18
Jumlah	100.00	100.00	100.00

(ii) Perumpukan Aset bagi ASN Equity 2 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (RM Juta)		
	2018	2017	2016
Pelaburan disebut harga:			
Barangan Industri	60.89	15.94	20.89
Barangan Pengguna	14.29	10.59	34.32
Hartanah	35.70	38.94	41.68
Syarikat Projek Infrastruktur	21.34	27.04	38.13
Kewangan	163.39	254.39	186.58
Pembinaan	18.95	43.75	30.41
Perkhidmatan/Perdagangan	193.66	263.09	267.50
Perladangan	36.02	20.79	37.35
Teknologi	34.48	35.75	8.16
REITs	25.98	43.72	40.85
Lain-lain	-	-	-
Jumlah Pelaburan Ekuiti Disebut Harga	604.70	754.00	705.85
Pelaburan di Pasaran Modal:			
i. Sekuriti Modal Bercantum	-	5.09	5.19
ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	23.08	27.99	25.11
iii. Lain-lain instrumen Pelaburan Modal dan Aset Bersih	244.22	123.47	102.35
Jumlah	872.00	910.55	838.50

B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Sebelum Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun		
	2018	2017	2016
NAB (RM'000)	918,885	956,417	888,588
NAB Seunit (RM)	0.6076	0.6465	0.6120
Selepas Pengagihan Pendapatan			
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	3.10	3.10	3.45
NAB (RM'000)	872,001	910,553	838,498
NAB Seunit (RM)	0.5766	0.6155	0.5775
NAB Seunit Terendah (RM)	0.5766	0.5687	0.5736
NAB Seunit Tertinggi (RM)	0.6729	0.6508	0.6295
Unit Dalam Edaran ('000)	1,512,386	1,479,486	1,451,886
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Julai	1 Julai	1 Julai
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)¹	1.32	1.42	1.53
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali)²	0.61	0.65	0.94
Pulangan:			
Pendapatan (%) ³	5.38	5.04	5.97
Modal (%) ⁴	-6.32	6.58	-7.03
Jumlah Pulangan⁵	-1.28	11.95	-1.48

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity 2 yang dikembalikan dengan purata nilai NAB ASN Equity 2 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP pada 30 Jun 2017 dan 30 Jun 2018 adalah ketara disebabkan pengurangan bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity 2 yang dikembalikan dengan purata NAB yang dikira berpandukan asas harian.

2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB ASN Equity 2 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan NPGP untuk ASN Equity 2 bagi tahun kewangan 2018 berbanding tahun kewangan 2017, adalah tidak ketara.

3. Pulangan Pendapatan (Yield): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$

4. Pulangan Modal: $\left\{ \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun}} \right\} - 1 \times 100$

5. Jumlah Pulangan: $\left\{ \left[1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right] \times \left[1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right] - 1 \right\} \times 100$

C. PURATA PULANGAN TAHUNAN

Jumlah pulangan tahunan bagi ASN Equity 2 adalah seperti berikut:

	Pada 30 Jun 2018		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Pulangan Tahunan (%) ¹	-1.28	2.87	3.03
Penanda Aras (%) ²	-2.38	1.47	0.33

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \{[(1 + r_1)(1 + r^2) \dots (1 + r_n)]^{1/n} - 1\} \times 100$$

Di mana r = pulangan tahunan n = bilangan tahun

2. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan kombinasi penanda aras cipta-suai yang terbaru.


D. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun				
	2018	2017	2016	2015	2014
Jumlah Pulangan (%)	-1.28	11.95	-1.48	-2.57	9.47
Penanda Aras (%) ¹	-2.38	7.80	-0.73	-7.04	4.66

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan kombinasi penanda aras cipta-suai yang terbaru.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn Bhd

E. ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, ASN Equity 2 telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 4.23% kepada RM 872.00 juta, berbanding RM 910.55 juta bagi tahun sebelumnya. NAB seunit turut mencatatkan penurunan sebanyak 6.32% daripada RM 0.6155 kepada RM 0.5766.

F. PENGAGIHAN PENDAPATAN

Perbandingan pengagihan pendapatan ASN Equity 2 bagi tempoh tiga (3) tahun:

Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan berakhir 30 Jun (RM Juta)		
	2018	2017	2016
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	3.10	3.10	3.45
Jumlah Pengagihan Pendapatan (RM Juta)	46.88	45.86	50.09
Tarikh Pembayaran	1 Julai	1 Julai	1 Julai

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, ASN Equity 2 telah memperuntukkan sejumlah RM46,883,966 (2017: RM45,864,066) iaitu bersamaan dengan 3.10 sen seunit (2017: 3.10 sen seunit) untuk pembayaran pengagihan pendapatan.

ASN Equity 2 telah memperolehi sumber pendapatan dari dividen kasar dari syarikat-syarikat pelaburan, keuntungan ternyata dari jualan pelaburan pendapatan dari lain-lain instrumen pasaran modal.

Sumber Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (RM Juta)		
	2018	2017	2016
Dividen kasar – saham disebut harga	22.43	23.93	23.56
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan	25.02	25.88	18.25
Lain-lain Pendapatan	8.03	6.37	6.08
JUMLAH	55.48	58.18	47.89

G. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG

Sebagai inisiatif untuk mengukuhkan portfolio pelaburan tabung-tabung unit amanah ASN, PNB telah merangka Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (Strategic Asset Allocation Framework, "SAA"). Mulai 1 Mei 2018, strategi perumpukan aset dan penanda aras Tabung telah diselaraskan sejajar dengan kategori Tabung dan strategi pelaburan yang baharu. Walau bagaimanapun,

objektif pelaburan dan profil risiko Tabung tidak akan terjejas dengan perubahan ini. Dengan ini, para pelabur juga tidak akan terjejas dengan inisiatif yang dilaksanakan. Sila rujuk Prospektus Induk Tambahan Kedua yang telah didaftarkan ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 1 April 2018.

H. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Equity 2 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

I. KOMISYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

III. LAPORAN PENGURUS

A. POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Equity 2 ialah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk di dalam Suratikatan ASN Equity 2. ASN Equity 2 boleh melaburkan 70% sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASN Equity 2 boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

B. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN

i. Ekuiti

Strategi pelaburan ASN Equity 2 sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018 telah dilaksanakan dengan perumpukan aset ekuiti yang aktif dan mampu memberi pulangan kompetitif dalam keadaan pasaran saham yang tidak menentu. Perumpukan aset ekuiti berada pada kadar purata 77% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) berbanding penanda aras 80% ekuiti: 20% tunai. Pengagihan aset dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Sepanjang tahun kewangan ini, Tabung ASN Equity 2 telah menggunakan strategi gabungan antara defensif dan pertumbuhan bergantung pada situasi pasaran. Pelaburan ASN Equity 2 telah ditumpukan pada kombinasi sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai asas fundamental kukuh dan prospek

perniagaan yang cerah dalam usaha memastikan prestasi ASN Equity 2 kekal kompetitif. Antara sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor kewangan, bahan binaan dan teknologi kerana mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan kukuh. Antara syarikat yang diberi tumpuan adalah Serba Dinamik Berhad, Press Metal Aluminium Holdings Berhad dan Inari Amertron Berhad. Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut adalah antara faktor yang membolehkan ASN Equity 2 mencapai pulangan yang lebih tinggi berbanding pulangan yang dicatatkan oleh penanda aras.

Di samping itu, pengurus Tabung juga mencari peluang untuk mengaut keuntungan melalui aktiviti jual beli saham-saham yang diniagakan di bawah harga wajar dan dapat memberikan pulangan yang menarik dalam keadaan pasaran saham yang turun naik.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Sepanjang tempoh dua belas bulan tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, ASN Equity 2 turut meningkatkan pulangan Tabung melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang yang memberi pulangan yang bersesuaian dengan risiko kredit instrumen. Walau bagaimanapun, ASN Equity 2 masih mengekalkan pelaburan yang lebih tinggi dalam pasaran wang berbanding sekuriti berpendapatan tetap bagi membolehkan ASN Equity 2 memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham pada masa yang bersesuaian, seiring dengan amalan perumpukan aset aktif.

C. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang mampan, iaitu sebanyak 5.4% pada suku pertama 2018 (suku keempat 2017: 5.9%). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan perbelanjaan sektor swasta sebanyak 5.2% (suku keempat: 7.4%) dan peningkatan nilai bersih eksport iaitu peningkatan eksport sebanyak 3.7% dan penurunan import sebanyak 2.0% (suku keempat 2017: eksport +7.1%, import +7.4%). Manakala, kadar inflasi adalah 1.8% pada suku pertama 2018 (suku keempat 2017: 3.5%) kesan daripada harga bahan api domestik yang lebih rendah serta pengukuhan matawang ringgit berbanding USD.

Penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 72.17 mata atau 4.09% untuk ditutup pada paras 1,691.50 mata pada 29 Jun 2018, berbanding 1,763.67 mata yang dicatatkan pada 30 Jun 2017. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi 1,895.18 mata pada 19 April 2018, manakala paras terendah 1,665.68 mata telah dicatatkan pada 28 Jun 2018.

Sejajar dengan prestasi negatif FBM KLCI, kebanyakan penanda aras sektor dalam pasaran saham Bursa Malaysia mencatatkan penurunan prestasi berbanding tahun sebelumnya. Sektor pembinaan mencatatkan penurunan

terbanyak (-40.35%), diikuti sektor hartanah (-21.50%) dan sektor perkhidmatan (-9.49%). Manakala, sektor-sektor yang mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya adalah sektor perlombongan (+73.39%) dan kepenggunaan (+16.28%). Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan yang ketara adalah Nestle Malaysia Berhad (+48.97%), Petronas Chemicals Group Berhad (+22.39%) dan Sime Darby Berhad (+21.81%). Sementara itu, saham-saham yang telah mencatatkan penurunan yang terbanak dalam tempoh tinjauan adalah Telekom Malaysia Berhad (-51.22%), Astro Malaysia Holdings Berhad (-35.46%) dan YTL Corporation Berhad (-23.70%).

Di rantau ASEAN, indeks serantau yang telah mencatatkan kenaikan ialah Indeks Utama Thailand (SET) dan Indeks Singapura (STI) masing-masing telah mencatatkan kenaikan sebanyak 1.32%, dan 1.31%. Indeks serantau yang lain mencatatkan penurunan dalam tempoh yang sama dengan Indeks Utama Filipina (PCOMP) mencatatkan penurunan (-8.28%), diikuti oleh Indeks FBM KLCI (-4.09%) dan Indeks Utama Indonesia (JCI) (-0.52%). Bagi negara Asia yang lain, Indeks Hong Kong (HSI) dan Indeks Korea (KOSPI) pula masing-masing mencatatkan kenaikan indeks sebanyak 12.38% dan 1.31%.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Ekonomi dan Pasaran Saham

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, pasaran saham global telah mencatatkan prestasi positif dipengaruhi oleh pemulihan pertumbuhan ekonomi global yang dapat dilihat daripada peningkatan pendapatan sektor korporat, peningkatan keyakinan pengguna dan kenaikan harga minyak mentah dunia.

Harga minyak mentah mencatatkan kenaikan sebanyak 65.78% daripada USD47.92 setong pada 30 Jun 2017 kepada USD79.44 setong pada 29 Jun 2018, hasil daripada usaha Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) yang bersetuju untuk melanjutkan pengurangan pengeluaran minyak sehingga Disember 2018 bagi mengatasi lebihan bekalan minyak global.

Ringgit menunjukkan peningkatan berikutan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih kukuh melebihi jangkaan. Turut menyumbang kepada peningkatan Ringgit adalah sentimen Dolar Amerika yang semakin lemah akibat ketidakpastian pasaran mengenai dasar ekonomi dan perdagangan Amerika Syarikat (AS). Dalam tempoh tinjauan, Ringgit meningkat sebanyak 6.30% untuk ditutup pada paras RM4.0385/USD pada 29 Jun 2018 daripada paras RM4.2928/USD pada 30 Jun 2017.

Namun begitu, di penghujung tempoh dalam tinjauan, penelitian semula dan pembaharuan dasar-dasar utama negara telah sedikit sebanyak mempengaruhi aktiviti pelaburan serta prestasi pasaran. Pada masa yang sama, pasaran saham global dan tempatan turut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti ketidakstabilan geopolitik di Korea dan Timur Tengah, ketidakpastian dasar-dasar AS termasuk reformasi cukai di bawah pentadbiran Presiden Trump serta kebimbangan berikutan langkah Rizab Persekutuan AS (Federal Reserve, Fed) menaikkan kadar faedah pada bulan Disember 2017, Mac 2018 dan Jun 2018.

D. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR FAEDAH

Dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee, MPC) BNM telah meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% daripada kadar 3.00% pada bulan Januari 2018.

Dengan peningkatan ini, kadar antara bank menjadi lebih tinggi dan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3-bulan meningkat daripada 3.44% kepada 3.69% pada Januari 2018 dan kekal sehingga berakhir tahun kewangan Jun 2018. Pelarasan OPR ini bertujuan untuk memastikan ekonomi negara terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh, inflasi yang stabil serta disokong oleh pengantaraan kewangan yang mantap dalam ekonomi.

Penyusunan semula polisi-polisi utama kerajaan baru telah sedikit sebanyak memberi impak dan mempengaruhi sentimen pasaran bagi jangka masa transisi ini. Pegangan pelaburan asing dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysia Government Securities, MGS) berkurang daripada 41.2% pada Jun 2017 kepada 40.1% pada Jun 2018, iaitu pengurangan sebanyak 1.1 mata peratusan.

Kesannya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing telah meningkat sebanyak 18, 3 dan 22 mata asas sepanjang tahun kewangan 2018. Dalam pasaran bon korporat, perubahan kadar hasil secara relatifnya adalah terkawal disebabkan pegangan bon korporat yang rendah dan stabil oleh pelabur asing serta permintaan berterusan oleh pelabur domestik.

E. PROSPEK EKONOMI DAN PASARAN MODAL

Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) melalui Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) terbitan April 2018, telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2018 pada kadar 3.9%, lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan pada 2017, iaitu 3.8%.

IMF turut mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju bagi tahun 2018 adalah sebanyak 2.5% (2017:+2.3%). AS masih merupakan pemacu utama dengan unjuran pertumbuhan sebanyak (+2.9%) (2017:+2.3%). Diikuti dengan Eropah sebanyak (+2.0%) (2016:+2.3%) dan Jepun pada kadar +1.2% (2017:+1.7%).

Ekonomi AS akan terus berkembang didorong oleh permintaan dalam negara dan pasaran buruh yang sihat. Kerajaan AS dijangka akan melaksanakan polisi-polisi seperti potongan cukai korporat dan cukai pendapatan, pertambahan perbelanjaan projek infrastruktur, pengenaan tarif pada pengeluaran produk AS di luar negara dan perlindungan perdagangan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi AS.

Bagi negara-negara membangun pula, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar (+6.5%) bagi tahun 2018 (2017:+6.5%). Ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi India (+7.4%), China (+6.6%) dan negara-negara ASEAN (+5.3%).

Namun demikian, masih terdapat risiko kepada pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan. Risiko ini termasuklah ketidakpastian berhubung impak pengembalian dasar monetari ke paras wajar oleh negara maju, perkembangan geopolitik di Timur Tengah serta kesan daripada perlindungan perdagangan.

Dalam jangka masa terdekat, hasil dari penelitian semula polisi-polisi utama kerajaan akan mempengaruhi hala tuju pasaran. Untuk tahun 2018, pasaran saham tempatan juga dijangka akan terus dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti ketidakpastian berhubung impak pengembalian dasar monetari ke paras wajar oleh negara maju, risiko geopolitik di Timur Tengah, jangkakan kenaikan kadar faedah di AS serta kebimbangan berlaku perang perdagangan di antara China dan AS.

Melangkah ke hadapan, sepertimana laporan BNM pada Mac 2018, ekonomi Malaysia di unjurkan berkembang di antara 5.5% hingga 6.0% bagi tahun 2018 (2017: 5.9%) didorong oleh permintaan dalam negeri dan pengukuhan ekonomi global (Sumber: BNM). Semua sektor dijangka mencatat pertumbuhan positif pada 2018. Sektor perkhidmatan yang merupakan sektor yang terbesar diunjurkan berkembang 6.1% manakala sektor perkilangan dijangka berkembang sebanyak 5.9%. Perbelanjaan sektor swasta menjadi pemacu utama pertumbuhan dimana pelaburan swasta dan penggunaan swasta dijangka berkembang sebanyak 9.1% dan 7.2%. Eksport dijangka berkembang 8.4% pada tahun 2018 disokong oleh permintaan yang lebih baik daripada rakan perdagangan utama, peningkatan yang berterusan dalam kitaran teknologi global dan harga minyak yang terus meningkat.

Kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas kepada kadar 3.25% pada 25 Januari 2018 adalah antara usaha oleh BNM untuk memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia terus stabil. Langkah itu diambil ketika bank-bank pusat utama lebih cenderung untuk memperketatkan lagi dasar monetari masing-masing susulan pertumbuhan ekonomi kukuh di negara maju. Sehubungan itu, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia akan dipengaruhi oleh kenaikan kadar dasar semalaman tempatan dan juga kenaikan kadar faedah di AS. Kadar inflasi dijangka berada di dalam lingkungan antara 2.50% sehingga 3.00% pada tahun 2018.

Sokongan terhadap pasaran bon tempatan dijangka kekal berterusan memandangkan ekonomi berada di landasan yang stabil. Dalam jangka masa sederhana, penyusunan dan pelaksanaan polisi kerajaan akan menjadi lebih nyata dan telus serta keadaan pasaran akan menjadi lebih mantap. Ini akan turut memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk kembali membuat penambahan pelaburan berikutan prospek hadapan yang positif kepada Malaysia.

F. STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, pengurusan ASN Equity 2 menjangkakan pasaran saham adalah sangat mencabar berikutan polisi kerajaan baru yang masih dikaji dan dalam proses transisi terutamanya berkaitan projek infrastruktur, risiko geopolitik di Korea, Timur Tengah dan Eropah serta jangkakan kenaikan kadar faedah di AS. Selain itu, ketidaktentuan polisi ekonomi dan perdagangan terutamanya antara AS dan China dijangka akan turut mempengaruhi pasaran saham tempatan. Oleh itu, walaupun strategi pelaburan ASN Equity 2 masih memberikan fokus yang lebih kepada ekuiti, perumpukan aset ekuiti akan dilakukan secara aktif dan selektif bagi memastikan pulangan tabung kekal kompetitif berbanding penanda aras.

Pelaburan di dalam ekuiti akan dilakukan secara selektif, berdasarkan analisa yang telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan diniagakan di bawah harga wajar. Pelaburan juga ditumpukan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Antara sektor tersebut termasuklah Minyak dan Gas yang dijangkakan mendapat faedah daripada harga minyak yang lebih stabil.

Sektor perbankan dan kewangan turut menjadi tumpuan, dan dijangka mencatat peningkatan secara beransur-ansur didorong oleh fundamental yang stabil dari segi kecukupan modal, kualiti aset memuaskan dan kecairan yang kukuh. Di samping itu, pertumbuhan pinjaman tahun ini dijangka meningkat, disokong oleh peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi, permintaan perniagaan dan pengguna serta keyakinan pihak perbankan dalam memberi pinjaman.

Untuk mempelbagaikan aset di dalam portfolio, pengurus Tabung akan terus melabur di dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap. Pelaburan dalam deposit pasaran wang jangka pendek akan dikekalkan bagi tujuan mudah tunai.

Bagi mengekalkan modal jangka panjang serta pulangan yang kompetitif, pengurus pelaburan ASN Equity 2 akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah-ubah. Pengurus ASN Equity 2 juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk mengaut keuntungan jual beli saham.

IV: PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN EQUITY 2

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus kepada ASN EQUITY 2 dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2018, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada ASN EQUITY 2 menurut resolusi para Pengarah bertarikh 18 Julai 2018.

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

Pengarah

ENCIK MOHAMMAD BIN HUSSIN

Ketua Pegawai Eksekutif &
Pengarah Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
18 Julai 2018

V: PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN EQUITY 2

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada ASN EQUITY 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah melaksana dan mengurus ASN EQUITY 2 selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada ASN EQUITY 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit ASN EQUITY 2 sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan ASN EQUITY 2.

Yang benar,

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
23 Ogos 2018

ASN EQUITY 2

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN Equity 2 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 30 Jun 2018, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 20 hingga 58.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2018 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

VI: LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini. Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRSs). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan

VI: LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan (samb.)

di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud.

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan:

- Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:
- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat kesilapan memandang penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandang penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi

VI: LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan (samb.)

untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan samaada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim
No. 03157/01/2019J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
18 Julai 2018

VII: PENYATA KEWANGAN - ASN EQUITY 2

A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah		8,032,171	6,371,431
Pendapatan dividen		22,426,248	25,928,527
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		9,819,556	4,246,359
Keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		(1,877,285)	1,812,310
Keuntungan ternyata kadar tukaran asing		-	(6,128)
		<u>38,400,690</u>	<u>38,352,499</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	9,372,386	8,947,360
Yuran pemegang amanah	5	500,000	500,000
Ganjaran juruaudit		25,000	23,000
Yuran ejen cukai		3,200	3,000
Perbelanjaan pentadbiran		2,530,000	3,278,248
		<u>12,430,586</u>	<u>12,751,608</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI		25,970,104	25,600,891
	6	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>25,970,104</u>	<u>25,600,891</u>
Pengagihan pelaburan	7	<u>46,883,966</u>	<u>45,864,066</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>3.10 sen</u>	<u>3.10 sen</u>
Tarikh Pengagihan		<u>1 Julai 2018</u>	<u>1 Julai 2017</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		27,847,389	23,788,581
Tidak Ternyata		(1,877,285)	1,812,310
		<u>25,970,104</u>	<u>25,600,891</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII: PENYATA KEWANGAN - ASN EQUITY 2

B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		25,970,104	25,600,891
Lain-lain pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya			
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTOCI)		15,204,792	21,635,536
(Kerugian)/ Keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTOCI)		(53,416,206)	55,710,642
JUMLAH (KERUGIAN)/ KEUNTUNGAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN SEMASA		<u>(12,241,310)</u>	<u>102,947,069</u>
Lain-lain (kerugian)/ keuntungan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		43,052,181	45,424,117
Tidak ternyata		<u>(55,293,491)</u>	<u>57,522,952</u>
		<u>(12,241,310)</u>	<u>102,947,069</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII: PENYATA KEWANGAN - ASN EQUITY 2

C. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 JUN 2018

ASET	Nota	2018 RM	2017 RM
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	8	533,482,013	664,876,146
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)	9	95,301,952	123,294,078
Deposit dengan institusi kewangan	10	282,113,046	167,336,598
Tuntutan cukai		631,265	596,641
Pendapatan belum diterima	11	3,323,661	1,841,250
Jumlah terhutang daripada broker saham		1,789,821	1,565,275
Jumlah terhutang daripada PNB		3,282,120	-
Tunai di bank		3,000	3,000
JUMLAH ASET		919,926,878	959,512,988
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan	7	46,883,966	45,864,066
Jumlah terhutang kepada pengurus		757,999	831,433
Pelbagai pemiutang		283,277	328,712
Jumlah terhutang kepada broker saham		-	1,935,544
JUMLAH LIABILITI		47,925,242	48,959,755
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		872,001,636	910,553,233
EKUITI			
Modal pemegang unit	12	841,555,014	825,671,856
Rizab		30,446,622	84,881,377
JUMLAH EKUITI / NILAI ASET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		872,001,636	910,553,233
UNIT DALAM EDARAN	12	1,512,386,000	1,479,486,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		0.5766	0.6155

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII: PENYATA KEWANGAN - ASN EQUITY 2

D. PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2018

	Modal	← Rizab-rizab Lain →		Jumlah
	Pemegang	-Ternyata	-Tak ternyata	
	Unit	RM	RM	Ekuiti
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Julai 2016	811,446,979	53,192,816	(26,142,275)	838,497,520
Penjadian unit untuk jualan	48,604,675	-	-	48,604,675
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (30 Jun 2016)	46,838,732	-	-	46,838,732
Pembatalan unit	(81,218,530)	-	-	(81,218,530)
Pengimbangan pengagihan	747,833	-	-	747,833
Pengagihan pendapatan	(747,833)	(45,116,233)	-	(45,864,066)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tahun semasa	-	23,788,581	79,158,488	102,947,069
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	21,635,536	(21,635,536)	-
Pada 30 Jun 2017	<u>825,671,856</u>	<u>53,500,700</u>	<u>31,380,677</u>	<u>910,553,233</u>
Pada 1 Julai 2017	825,671,856	53,500,700	31,380,677	910,553,233
Penjadian unit untuk jualan	84,775,804	-	-	84,775,804
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (30 Jun 2017)	42,987,648	-	-	42,987,648
Pembatalan unit	(111,880,294)	-	-	(111,880,294)
Pengimbangan pengagihan	4,690,521	-	-	4,690,521
Pengagihan pendapatan	(4,690,521)	(42,193,445)	-	(46,883,966)
Jumlah keuntungan/ (kerugian) komprehensif komprehensif bagi tahun semasa	-	27,847,389	(40,088,699)	(12,241,310)
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	15,204,792	(15,204,792)	-
Pada 30 Jun 2018	<u>841,555,014</u>	<u>54,359,436</u>	<u>(23,912,814)</u>	<u>872,001,636</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII: PENYATA KEWANGAN - ASN EQUITY 2

E. PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	641,587,702	595,916,328
Pembelian pelaburan	(514,604,276)	(561,665,926)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(11,328,111)	(28,052,961)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	28,052,961	49,283,439
Faedah diterima	7,879,739	6,873,475
Dividen bersih diterima	20,885,898	24,520,355
Yuran pengurusan dibayar	(9,962,682)	(9,414,883)
Yuran pemegang amanah dibayar	(531,574)	(526,371)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(2,055,199)	(2,510,318)
Cukai dikembalikan	149,346	-
Tunai bersih dihasilkan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	<u>160,073,804</u>	<u>74,423,138</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	136,340,810	105,134,220
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(119,049,250)	(88,947,910)
Pengagihan kepada pemegang unit	(45,864,066)	(50,090,067)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti pembiayaan	<u>(28,572,506)</u>	<u>(33,903,757)</u>
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	131,501,298	40,519,381
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	<u>139,286,637</u>	<u>98,767,256</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>270,787,935</u>	<u>139,286,637</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	3,000	3,000
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 10)	282,113,046	167,336,598
	282,116,046	167,339,598
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(11,328,111)	(28,052,961)
Tunai dan persamaan tunai	<u>270,787,935</u>	<u>139,286,637</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

F. NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 30 JUN 2018

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN EQUITY 2 (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 8 Jun 1999, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 7.1 Suratikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 9 Jun 1999 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 12 Suratikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 6 Julai 1999.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 18 Julai 2018.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tahun berakhir 30 Jun 2018, telah disediakan selaras dengan Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS") dan International Financial Reporting Standards ("IFRS").

(a) Menggunakan awal MFRS 9 Financial Instruments: Classification and Measurement ("MFRS 9")

Unit Amanah telah menggunakan MFRS 9 Financial Instruments (MFRS 9) (diterbitkan pada November 2009 dan disemak pada Oktober 2010) dan penyemakan yang berkenaan sebelum tarikh berkuatkuasa. Tarikh penggunaan permulaan (tarikh Unit Amanah menilai aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ada) ialah 1 Julai 2011.

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)

Aset kewangan

MFRS 9 memperkenalkan keperluan baru dalam pengelasan dan pengukuran aset kewangan dalam skop MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement. MFRS 9, terutamanya memerlukan semua aset kewangan dikelaskan dan seterusnya diukur sama ada secara kos lunasan atau nilai saksama bergantung kepada model perniagaan sesuatu entiti dalam menguruskan aset kewangan dan aset kewangan yang mempunyai ciri-ciri aliran tunai secara kontraktual.

Seperti yang diperlukan oleh MFRS 9, instrumen hutang diukur secara kos lunasan hanya jika (i) aset tersebut dipegang dalam model perniagaan dimana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual dan (ii) terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu. Jika salah satu daripada dua kriteria tidak dipenuhi, instrumen hutang dikelaskan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL").

Walaupun bagaimanapun, Unit Amanah boleh memilih pada permulaan untuk menyatakan instrumen kewangan yang memenuhi ciri-ciri kos lunasan sebagai FVTPL sekiranya ia menghindari atau mengurangkan ketidakpadanan perakaunan.

Instrumen ekuiti dikelaskan sama ada FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI"), bergantung kepada objektif pelaburan.

Liabiliti kewangan

MFRS 9 juga mempunyai keperluan untuk mengklasifikasi dan mengukur liabiliti kewangan. Suatu perubahan besar dalam mengambilkira dan mengukur liabiliti kewangan adalah berkenaan perubahan pada nilai saksama liabiliti kewangan (ditanda sebagai FVTPL) berikutan perubahan risiko kredit liabiliti itu sendiri yang mana diambilkira dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

(b) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2017 tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(c) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah selain daripada yang berikut:

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau 1 Januari 2018

MFRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 seperti yang dikeluarkan oleh IASB pada Julai 2014)

Pada 24 Julai 2014, International Accounting Standards Boards ("IASB") telah mengeluarkan versi terkini IFRS 9 yang merangkumi tiga fasa projek instrumen kewangan; Classification and measurement, Impairment (expected credit loss) and Hedge Accounting. Seterusnya, MASB telah mengeluarkan pengumuman pada 17 November 2014 untuk menggunakan sepenuhnya keperluan baru IFRS 9. Unit Amanah masih dalam proses mengukur kesan daripada penggunaan versi akhir MFRS 9.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(a) Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

i. Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung rugi pada permulaan pengiktirafan):

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

- aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.
- Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

ii. Kos yang dilunaskan dan kaedah kadar faedah berkesan

Kaedah kadar faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan bagi satu-satu instrumen hutang dan bagi memperuntukan pendapatan faedah bagi satu-satu tempoh. Kadar faedah berkesan adalah kadar yang mengambilkira anggaran terimaan tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan (termasuk yuran yang dibayar atau diterima yang merupakan sebahagian dari kadar faedah berkesan tersebut, kos transaksi dan lain-lain premium atau diskaun) disepanjang tempoh hayat instrumen hutang tersebut, atau, bagi jangkamasa pendek, pada nilai bersih yang dibawa pada permulaan pengiktirafan.

Pendapatan diiktiraf atas asas faedah berkesan bagi instrumen hutang yang dikira pada kos dilunaskan.

iii. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarikbalik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung rugi atas penjualan pelaburan tersebut.

Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

iv. Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi (FVTPL)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli dan dipermulaan pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL termasuk dalam untung atau rugi bersih seperti yang dijelaskan di atas.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 118, Revenue, dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

v. Rosotnilai dalam aset kewangan

Aset kewangan yang dikira pada kos dilunaskan akan dinilai bagi sebarang rosotnilai pada setiap penghujung tempoh pelaporan. Aset kewangan dikira sebagai merosot sekiranya terdapat bukti yang nyata bahawa anggaran aliran tunai masa hadapan akan terjejas kesan daripada terjadinya satu atau lebih peristiwa selepas pengiktirafan awal aset kewangan tersebut.

Bukti nyata rosotnilai termasuk:

- masalah kewangan ketara yang dihadapi oleh penerbit instrumen hutang atau pihak yang terlibat; atau
- pelanggaran kontrak seperti "default" dalam pembayaran kupon atau prinsipal; atau
- pihak penghutang berkemungkinan besar menjadi mufis atau memerlukan pengstruktur semula; atau
- ketiadaan pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh masalah kewangan.

Jumlah rosotnilai adalah perbezaan di antara nilai yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan dengan mengambilkira jumlah pajakan dan jaminan, didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal.

Nilai dibawa aset kewangan akan dikurangkan oleh kerugian rosotnilai bagi semua aset kewangan kecuali akaun penerimaan, di mana nilai dibawa dikurangkan melalui akaun elaun. Sebarang pembayaran balik jumlah yang telah dilupuskan akan dikreditkan ke dalam akaun elaun.

Jika di dalam tempoh berikutnya terdapat pengurangan dalam kerugian rosotnilai dan pengurangan ini berkaitan dengan peristiwa yang terjadi setelah rosotnilai dilakukan, rosotnilai ini akan dikreditkan kembali ke akaun untung rugi setakat nilai dibawa tidak melebihi jumlah kos dilunaskan sekiranya rosotnilai tidak dilakukan.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

vi. Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain. Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung rugi tetapi dikelaskan kembali ke rizab bolehagih ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung rugi semasa pelupusan.

(b) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

i. Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

ii. Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos transaksi secara langsung dan seterusnya diiktiraf pada kos lunasan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

iii. Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

iv. Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrument 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132, "Financial Instruments: Presentation".

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepatutnya apabila unit dibatalkan.

(c) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan REITs diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlungas diukur berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(d) Tunai dan persamaan tunai

Dalam penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai adalah termasuk tunai di bank dan instrumen kecairan tinggi, yang tidak membawa risiko yang ketara kepada perubahan nilai.

(e) Cukai pendapatan

Cukai aset dan liabiliti semasa dinilai pada amaun yang dijangka akan dikutip semula atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar atau undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira amaun tersebut adalah menggunakan kadar atau undang-undang yang digubal pada tarikh kewangan yang dilaporkan.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Cukai semasa diiktiraf dalam untung rugi melainkan cukai yang dikira ke atas perkara-perkara di luar untung rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif atau ekuiti.

Tiada cukai tertunggak yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(f) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh diakses oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan mengambil andaian bahawa semua pihak yang terlibat akan mengambil tindakan terbaik apabila menilai aset atau liabiliti masing-masing.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- ▶ Aras 1: Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- ▶ Aras 2: Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- ▶ Aras 3: Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(g) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausula 13.1 Suratikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun berakhir 30 Jun 2018 ialah 1% (2017: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausula 13.2 Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM500,000 atau 0.08% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 30 Jun 2018 telah ditetapkan pada RM 500,000 (2017: RM 500,000) setahun daripada NAB Unit Amanah.

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2018 RM	2017 RM
Peruntukan bagi tahun semasa	<u>46,883,966</u>	<u>45,864,066</u>

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan sebanyak 3.10 sen seunit bagi tahun berakhir 30 Jun 2018 (2017: 3.10 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit dalam edaran pada akhir tempoh kewangan.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2018 RM	2017 RM
Rizab pengagihan pendapatan	4,690,521	747,833
Pendapatan faedah	8,032,171	6,371,431
Pendapatan dividen	22,426,248	25,928,527
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan - FVTPL	9,819,556	4,246,359
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan - FVTOCI	<u>14,346,056</u>	<u>21,324,524</u>
	59,314,552	58,618,674
Tolak: Perbelanjaan	<u>(12,430,586)</u>	<u>(12,751,608)</u>
Jumlah pengagihan	<u>46,883,966</u>	<u>45,864,066</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>3.10 sen</u>	<u>3.10 sen</u>

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

		2018 RM	2017 RM
Pada Kos:			
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	(a)	1,381,763	1,303,996
Pelaburan disebut harga	(b)	556,849,098	634,904,791
Saham Biasa		530,990,020	596,432,884
REITs		25,859,078	38,471,907
		<u>558,230,861</u>	<u>636,208,787</u>

Pada Nilai Saksama:

Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	(a)	1,003,927	1,078,480
Pelaburan disebut harga	(b)	532,478,086	663,797,666
Saham Biasa		508,024,388	623,568,769
REITs		24,453,698	40,228,897
		<u>533,482,013</u>	<u>664,876,146</u>

(a) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan pada 30 Jun 2018 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018
				%
AMB Ethical Trust Fund	2,913,312	1,381,763	1,003,927	0.12
Jumlah skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	<u>2,913,312</u>	<u>1,381,763</u>	<u>1,003,927</u>	<u>0.12</u>

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

(b) Pelaburan Disebut Harga

Pelaburan disebut harga pada 30 Jun 2018 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018	
			Nilai Saksama RM	%
Pembinaan				
Econpile Holdings Berhad	4,700,250	4,141,963	3,478,185	0.40
Gamuda Berhad	1,526,100	7,377,302	4,990,347	0.57
Muhibbah Engineering (M) Berhad	2,292,200	6,770,668	6,876,600	0.79
Sunway Construction Group Berhad	622,400	1,112,065	1,126,544	0.13
	9,140,950	19,401,998	16,471,676	1.89
Barangan Pengguna				
QL Resources Berhad	462,410	1,085,607	2,774,460	0.32
UMW Holdings Berhad	1,279,000	12,511,344	7,635,630	0.88
	1,741,410	13,596,951	10,410,090	1.20
Kewangan				
Alliance Bank Malaysia Berhad	874,100	3,532,544	3,531,364	0.40
Ambank Berhad	1,200,000	7,082,920	4,500,000	0.52
CIMB Group Holdings Berhad	4,521,559	28,654,389	24,642,497	2.83
Hong Leong Bank Berhad	309,800	5,808,265	5,638,360	0.65
LPI Capital Berhad	570,100	9,323,927	9,737,308	1.12
Malayan Banking Berhad	3,797,536	36,552,794	34,177,824	3.92
Public Bank Berhad	2,525,125	42,260,096	58,986,920	6.76
RHB Capital Berhad	2,410,338	12,509,173	13,160,445	1.51
	16,208,558	145,724,108	154,374,718	17.71

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

(b) Pelaburan Disebut Harga (samb.)

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018 %
Barangan Industri				
Hartalega Holdings Berhad	1,374,400	4,635,594	8,232,656	0.94
Kossan Rubber Industries Berhad	767,500	6,387,546	6,477,700	0.74
Petronas Chemicals Group Berhad	2,000,000	16,240,000	16,820,000	1.93
Press Metal Berhad	500,000	783,717	2,180,000	0.25
SKP Resources Berhad	847,100	1,116,650	1,185,940	0.14
Ta Ann Holdings Berhad	1,179,000	4,565,844	3,100,770	0.36
Top Glove Corporation Berhad	1,300,000	13,308,770	15,782,000	1.81
Wah Seong Corporation Berhad	4,300,000	6,977,820	5,461,000	0.63
	<u>12,268,000</u>	<u>54,015,941</u>	<u>59,240,066</u>	<u>6.80</u>
Syarikat Projek Infrastruktur				
DiGi.Com Berhad	4,434,700	20,665,834	18,404,005	2.11
Time dotCom Berhad	384,500	3,624,869	2,937,580	0.34
	<u>4,819,200</u>	<u>24,290,703</u>	<u>21,341,585</u>	<u>2.45</u>
Perladangan				
Kuala Lumpur Kepong Berhad	795,800	18,303,974	19,226,528	2.20
Sime Darby Plantation Berhad	3,151,285	16,821,083	16,796,349	1.93
	<u>3,947,085</u>	<u>35,125,057</u>	<u>36,022,877</u>	<u>4.13</u>

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

(b) Pelaburan Disebut Harga (samb.)

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018
				%
Hartanah				
Eco World Development Group Berhad	548,900	765,715	675,147	0.08
Eco World International Berhad	3,000,000	3,600,000	2,760,000	0.32
Mah Sing Group Berhad	4,919,587	8,073,216	5,263,958	0.60
Matrix Concepts Holdings Berhad	2,538,200	5,612,522	5,051,018	0.58
Sime Darby Property Berhad	7,278,085	10,703,610	8,733,702	1.00
S P Setia Berhad	1,551,618	5,037,559	4,810,016	0.55
	<u>19,836,390</u>	<u>33,792,622</u>	<u>27,293,841</u>	<u>3.13</u>
Teknologi				
Inari Amertron Berhad	5,038,100	9,829,627	11,386,106	1.31
Globetronics Technology Berhad	3,422,966	8,091,686	7,564,755	0.87
Vitrox Corporation Berhad	600,000	2,099,700	3,348,000	0.38
	<u>9,061,066</u>	<u>20,021,013</u>	<u>22,298,861</u>	<u>2.56</u>
Perdagangan & Perkhidmatan				
AirAsia Berhad Holdings Berhad	2,458,100	10,606,766	7,349,719	0.84
Axiata Group Berhad	4,712,368	29,866,962	17,906,998	2.05
Bermaz Auto Berhad	2,304,400	5,127,792	5,069,680	0.58
Dialog Group Berhad	6,525,400	14,451,368	20,163,486	2.31
Gas Malaysia Berhad	1,076,900	3,149,651	3,090,703	0.35

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

(b) Pelaburan Disebut Harga (samb.)

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018
				%
Perdagangan & Perkhidmatan (samb.)				
Malaysia Airports Holdings Berhad	500,000	4,407,450	4,400,000	0.50
Maxis Berhad	2,447,600	13,829,979	13,363,896	1.53
MBM Resources Berhad	1,095,400	2,506,779	2,607,052	0.30
OCK Group Berhad	6,618,300	6,267,663	4,467,353	0.51
Pestech International Berhad	5,555,287	9,203,003	8,610,695	0.99
Sapura Energy Berhad	3,674,100	8,535,790	2,351,424	0.27
Serba Dinamik Holdings Berhad	2,200,000	4,317,298	7,150,000	0.82
Sime Darby Berhad	4,420,785	9,449,296	10,830,923	1.24
Sunway Berhad	1,553,835	2,130,249	2,408,444	0.28
Tenaga Nasional Berhad	2,961,900	46,777,197	43,362,216	4.97
Telekom Malaysia Berhad	1,741,500	11,632,897	5,416,065	0.62
YTL Corporation Berhad	1,789,398	2,761,487	2,022,020	0.23
	51,635,273	185,021,627	160,570,674	18.39
Jumlah saham biasa	128,657,932	530,990,020	508,024,388	58.26
REITs				
Axis Real Estate Investment Trust	5,843,058	10,002,024	8,530,865	0.98
CapitaLand Malaysia Mall Trust	3,350,000	4,759,060	4,020,000	0.46
MRCB Quill Real Estate Investment Trust	3,900,000	4,680,000	4,446,000	0.51
Sunway Real Estate Investment Trust	4,212,900	6,417,994	7,456,833	0.86
	17,305,958	25,859,078	24,453,698	2.81
Jumlah Pelaburan disebut harga	145,963,890	556,849,098	532,478,086	61.07

9. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

	2018 RM	2017 RM
Pada kos:		
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(a) 23,078,920	24,992,991
Nota Islam Jangka Sederhana	10,080,943	10,000,000
Bon Subordinat	8,000,000	8,000,000
Sekuriti hutang swasta	4,997,977	6,992,991
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	-	5,000,000
Pelaburan disebut harga	(b) 71,386,998	87,657,324
Saham biasa	66,573,496	83,957,463
Saham keutamaan	2,870,372	303,500
REITs	1,943,130	3,396,361
Pelaburan tidak disebut harga	-	2,930,445
	<u>94,465,918</u>	<u>120,580,760</u>
Pada nilai saksama:		
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(a) 23,078,680	25,063,820
Nota Islam Jangka Sederhana	10,056,750	10,025,920
Bon Subordinat	8,007,830	8,002,670
Sekuriti hutang swasta	5,014,100	7,035,230
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	-	5,093,650
Pelaburan disebut harga	(b) 72,223,272	90,206,163
Saham biasa	67,912,362	86,372,636
Saham keutamaan	2,779,830	339,920
REITs	1,531,080	3,493,607
Pelaburan tidak disebut harga	-	2,930,445
	<u>95,301,952</u>	<u>123,294,078</u>

9. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)

(a) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 30 Jun 2018 adalah seperti berikut:

	Nominal Value RM	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018 %
Nota Islam Jangka Sederhana				
4.58% Kuala Lumpur Kepong Berhad 12 August 2025	5,000,000	5,000,000	4,971,000	0.57
5.25% BGSM Management Sdn Berhad 24 December 2020	5,000,000	5,080,943	5,085,750	0.58
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	10,000,000	10,080,943	10,056,750	1.15
Bon Subordinat				
4.13% Etiqa Insurance Berhad 5 Julai 2018	3,000,000	3,000,000	3,000,030	0.34
5.30% Maybank Berhad 9 September 2019	5,000,000	5,000,000	5,007,800	0.57
Jumlah Bon Subordinat	8,000,000	8,000,000	8,007,830	0.91
Sekuriti Hutang Swasta				
4.65% Malayan Banking Berhad 26 November 2018	5,000,000	4,997,977	5,014,100	0.58
Jumlah Sekuriti Hutang Swasta	5,000,000	4,997,977	5,014,100	0.58
Jumlah sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	23,000,000	23,078,920	23,078,680	2.64

9. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)

(b) Pelaburan disebut harga

Pelaburan disebut harga pada 30 Jun 2018 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018
			Saksama RM	%
Pembinaan				
Muhibbah Engineering (M) Berhad	827,100	1,915,073	2,481,300	0.28
	827,100	1,915,073	2,481,300	0.28
Produk Pengguna				
QL Resources Berhad	647,000	3,233,140	3,882,000	0.45
	647,000	3,233,140	3,882,000	0.45
Kewangan				
CIMB Group Holdings Berhad	772,376	3,754,631	4,209,449	0.48
RHB Bank Berhad	879,100	4,563,436	4,799,886	0.55
	1,651,476	8,318,067	9,009,335	1.03
Barangan Industri				
SKP Resources Berhad	1,176,600	1,625,362	1,647,240	0.19
	1,176,600	1,625,362	1,647,240	0.19
 Hartanah				
Eco World Development Group Berhad	3,920,100	5,974,816	4,821,723	0.55
IOI Properties Group Berhad	500,000	805,000	800,000	0.09
	4,420,100	6,779,816	5,621,723	0.64
Teknologi				
Inari Amertron Berhad	4,689,800	10,016,819	10,598,948	1.22
Unisem (Malaysia) Berhad	682,900	1,372,110	1,577,499	0.18
	5,372,700	11,388,929	12,176,447	1.40

9. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)

(b) Pelaburan disebut harga (samb.)

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 30.06.2018	
			Nilai Saksama RM	%
Perdagangan/ Perkhidmatan				
AirAsia Group Berhad	438,300	1,243,895	1,310,517	0.15
IHH Healthcare Berhad	3,865,400	24,086,097	23,578,940	2.70
MBM Resources Berhad	1,938,600	4,832,766	4,613,868	0.53
Sunway Berhad	2,316,769	3,150,351	3,590,992	0.41
	<u>8,559,069</u>	<u>33,313,109</u>	<u>33,094,317</u>	<u>3.79</u>
Jumlah Saham Biasa	22,654,045	66,573,496	67,912,362	7.78
Saham Keutamaan				
S P Setia Berhad				
-Redeemable Convertible Preference Shares - Islamic	303,500	303,500	300,465	0.03
S P Setia Berhad				
-Redeemable Convertible Preference Shares - Islamic B	2,916,900	2,566,872	2,479,365	0.28
	<u>3,220,400</u>	<u>2,870,372</u>	<u>2,779,830</u>	<u>0.31</u>
REITs				
CapitaLand Malaysia Mall Trust	1,275,900	1,943,130	1,531,080	0.18
	<u>1,275,900</u>	<u>1,943,130</u>	<u>1,531,080</u>	<u>0.18</u>
Jumlah pelaburan disebut harga	27,150,345	71,386,998	72,223,272	8.27

10. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2018	2017
	RM	RM
Pada kos		
Bank-bank berlesen	282,113,046	167,336,598

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	2018		2017	
	PWKFE	Purata	PWKFE	Purata
	(% tahunan)	Tempoh	(% tahunan)	Tempoh
		Matang		Matang
		(Hari)		(Hari)
Bank-bank berlesen	3.64	10	3.74	104

Deposit dengan institusi kewangan adalah termasuk baki dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari berjumlah RM270,784,935 (2017:RM139,283,637).

11. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	2018	2017
	RM	RM
Dividen	2,678,614	1,406,727
Pendapatan faedah	645,047	434,523
	<u>3,323,661</u>	<u>1,841,250</u>

12. MODAL PEMEGANG UNIT

	2018		2017	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tahun	<u>1,479,486,000</u>	<u>825,671,856</u>	<u>1,451,886,000</u>	<u>811,446,979</u>
Penjadian unit untuk				
-jualan	147,000,000	84,775,804	89,100,000	48,604,675
-pengagihan semula pelaburan	<u>74,200,000</u>	<u>42,987,648</u>	<u>86,600,000</u>	<u>46,838,732</u>
	221,200,000	127,763,452	175,700,000	95,443,407
Pembatalan unit	<u>(188,300,000)</u>	<u>(111,880,294)</u>	<u>(148,100,000)</u>	<u>(81,218,530)</u>
	1,512,386,000	841,555,014	1,479,486,000	825,671,856
Pengimbangan pengagihan bagi tahun semasa	-	4,690,521	-	747,833
Pindahan pengimbangan pengagihan	<u>-</u>	<u>(4,690,521)</u>	<u>-</u>	<u>(747,833)</u>
Pada akhir tahun	<u>1,512,386,000</u>	<u>841,555,014</u>	<u>1,479,486,000</u>	<u>825,671,856</u>

Sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2018, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 Jun 2018, PNB secara sah memegang 720,900 (2017: 788,324) unit, merangkumi 0.05% (2017: 0.05%) daripada jumlah unit yang diterbitkan.

13. URUS NIAGA DENGAN PNB

	2018	2017
	RM	RM
Pembelian pelaburan	-	8,550,000
Penjualan pelaburan	<u>-</u>	<u>20,651,603</u>

Urusniaga di atas telah dilaksanakan pada harga yang telah dipersetujui.

14. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/BROKER/DEALER/INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer/institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Maybank Investment Bank Berhad *	249,463,724	21.34	248,469	17.05
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	100,742,293	8.62	145,498	9.98
CIMB Investment Bank Berhad *	96,436,912	8.25	111,852	7.67
MIDF Amanah Investment Bank Berhad*	74,057,267	6.33	90,614	6.22
Hong Leong Investment Bank Berhad*	72,904,985	6.24	92,606	6.35
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	72,163,124	6.17	119,239	8.18
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Bhd	67,390,795	5.76	76,221	5.23
Public Investment Bank Berhad*	51,752,577	4.43	91,189	6.26
CLSA Securities Malaysia Sdn. Berhad	51,001,781	4.36	65,368	4.47
Kenanga Investment Bank Berhad	38,927,267	3.33	29,932	2.04
Lain-lain	294,251,465	25.17	386,723	26.53
	<u>1,169,092,190</u>	<u>100.00</u>	<u>1,457,711</u>	<u>100.00</u>

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

- PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2018	2017
Pusing Ganti Portfolio	<u>0.61 kali</u>	<u>0.65 kali</u>

Pusing Ganti Portfolio dikira berdasarkan pada nisbah purata jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2018	2017
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan	<u>1.32%</u>	<u>1.42%</u>

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan adalah dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL

(a) Pengenalan

Unit Amanah ini terdedah kepada pelbagai risiko termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan. Walaupun risiko kewangan jenis ini adalah yang terpenting bagi setiap jenis instrumen kewangan, Pengurus dan Pemegang Amanah ingin menekankan bahawa senarai ini tidak bertujuan untuk membentuk satu senarai lengkap semua risiko yang wujud dalam pelaburan Unit Amanah. Objektif pengurusan risiko kewangan Unit Amanah adalah untuk mengurangkan kerugian modal.

(b) Struktur pengurusan risiko dan aktiviti

Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko. Aktiviti pengurusan risiko adalah berdasarkan rangka kerja pengurusan syarikat. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah, Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko keseluruhan Unit Amanah.

Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian dasar, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada kuasa pelaburan dan sekatan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia dan garis panduan pelaburan unit amanah. Kajian semula strategi pelaburan termasuk analisis asas kepada ekonomi, sektor dan sekuriti dijalankan sebagai sebahagian daripada kawalan risiko kewangan Unit Amanah.

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(c) Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan bahawa nilai pelaburan akan berkurangan akibat dari penurunan dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi, politik dan /atau lain-lain yang akan menjejaskan prestasi Unit Amanah.

Risiko pasaran tidak boleh dihapuskan tetapi peruntukan aset dan strategi kepelbagaian boleh mengurangkan risiko ini.

i. Risiko harga ekuiti

Risiko ekuiti adalah risiko bahawa nilai saksama instrumen kewangan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran, iaitu harga ekuiti, kadar faedah, kadar pertukaran asing dan harga komoditi. Risiko pasaran diuruskan melalui kepelbagaian portfolio dan perubahan dalam peruntukan aset, dan tindak balas pantas kepada pelbagai faktor yang boleh menjejaskan Unit Amanah.

Risiko harga ekuiti boleh dikurangkan melalui analisa fundamental keatas syarikat-syarikat dan pemantauan berterusan keatas fundamental syarikat asas dan prestasi sahamnya.

Sensitiviti risiko harga ekuiti

Berikut adalah anggaran terbaik Pengurus atas kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa disebabkan oleh perubahan munasabah dalam indeks ekuiti, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah seperti dalam jadual di bawah:

Indeks pasaran	Perubahan pada harga ekuiti	Kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif tahun semasa Naik/ (Turun)
	%	RM
2018		
FTSE Bursa Malaysia KLCI		
Pelaburan dalam FVTOCI	+10/-10	49,910,393/ (49,910,393)
Pelaburan dalam FVTPL	+10/-10	6,538,807/ (6,538,807)
2017		
Pelaburan dalam FVTOCI	+10/-10	64,970,642/ (64,970,642)
Pelaburan dalam FVTPL	+10/-10	9,635,026/ (9,635,026)

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(c) Risiko pasaran (samb.)

i. Risiko harga ekuiti (samb.)

Analisis sensitiviti di atas mengandaikan bahawa portfolio ekuiti bergerak sejajar dengan indeks di atas.

Risiko penumpuan harga ekuiti

Penumpuan harga ekuiti Unit Amanah dianalisa oleh instrumen ekuiti Unit Amanah mengikut sektor adalah seperti di Nota 8 dan 9.

ii. Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merujuk kepada kesan perubahan kadar faedah ke atas penilaian instrumen berpendapatan tetap. Prestasi instrumen berpendapatan tetap mungkin terjejas sekiranya kadar faedah meningkat dengan ketara.

Bagi mengurangkan risiko kadar faedah, Pengurus perlu memantau portfolio instrumen berpendapatan tetap dengan menjalankan kajian yang kerap ke atas pergerakan kadar faedah, jangkaan pasaran dan menyesuaikan strategi portfolio sekiranya perlu, berdasarkan objektif Unit Amanah.

Sensitiviti risiko kadar faedah

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti lain-lain pendapatan komprehensif Unit Amanah bagi tahun semasa keatas perubahan yang munasabah dalam kadar faedah, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah.

Sensitiviti adalah kesan perubahan yang diandaikan dalam kadar faedah pada:

- lain-lain pendapatan komprehensif selama satu tahun, berdasarkan aset kewangan kadar terapung yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan;
- perubahan dalam nilai saksama pelaburan untuk tahun kewangan, berdasarkan penilaian semula aset kewangan kadar tetap pada akhir tempoh pelaporan.

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(c) Risiko pasaran (samb.)

ii. Risiko kadar faedah (samb.)

Sensitiviti risiko kadar faedah (samb.)

	Perubahan mata asas*	Sensitiviti perubahan dalam untung/ (rugi) bagi tahun keuangan Naik/ (turun)
2018		
Deposit dengan institusi keuangan	+25/-25	705,283/ (705,283)
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi	+25/-25	(57,697)/ 57,697
2017		
Deposit dengan institusi keuangan	+25/-25	418,341/ (418,341)
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi	+25/-25	(75,394)/ 75,394

- Pergerakan yang diandaikan dalam mata asas bagi analisa sensitiviti kadar faedah berdasarkan pemerhatian ke atas persekitaran semasa pasaran yang diawasi.

Jadual berikut menganalisa pendedahan risiko kadar faedah Unit Amanah. Aset dan liabiliti Unit Amanah diletakkan pada nilai saksama dan dikategorikan berdasarkan kepada penentuan semula harga kontraktual atau tarikh kematangan kontrak yang mana terdahulu.

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

Sensitiviti risiko kadar faedah (samb.)

	1 bulan hingga 3 bulan	3 bulan hingga 1 tahun	1 tahun hingga 10 tahun	Tanpa faedah	Jumlah	Kadar faedah
2018	RM	RM	RM	RM	RM	%
Aset:						
Pelaburan pada FVTOCI	-	-	-	533,482,013	533,482,013	-
Pelaburan pada FVTPL	-	-	23,078,680	72,223,272	95,301,952	4.75
Deposit dengan institusi kewangan	270,784,935	11,328,111	-	-	282,113,046	3.64
Lain-lain aset	-	-	-	9,029,867	9,029,867	-
Jumlah aset	<u>270,784,935</u>	<u>11,328,111</u>	<u>23,078,680</u>	<u>614,735,152</u>	<u>919,926,878</u>	
Liabiliti:						
Lain-lain liabiliti	-	-	-	47,925,242	47,925,242	
Jumlah liabiliti	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>47,925,242</u>	<u>47,925,242</u>	
Jumlah jurang sensitiviti faedah	<u>270,784,935</u>	<u>11,328,111</u>	<u>23,078,680</u>	<u>566,809,910</u>	<u>872,001,636</u>	
2017						
Aset:						
Pelaburan pada FVTOCI	-	-	-	664,876,146	664,876,146	-
Pelaburan pada FVTPL	-	-	30,157,470	93,136,608	123,294,078	4.95
Deposit dengan institusi kewangan	139,283,637	28,052,961	-	-	167,336,598	3.74
Lain-lain aset	-	-	-	4,006,166	4,006,166	-
Jumlah aset	<u>139,283,637</u>	<u>28,052,961</u>	<u>30,157,470</u>	<u>762,018,920</u>	<u>959,512,988</u>	
Liabiliti:						
Lain-lain liabiliti	-	-	-	48,959,755	48,959,755	
Jumlah liabiliti	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>48,959,755</u>	<u>48,959,755</u>	
Jumlah jurang sensitiviti faedah	<u>139,283,637</u>	<u>28,052,961</u>	<u>30,157,470</u>	<u>713,059,165</u>	<u>910,553,233</u>	

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah berkaitan dengan kepercayaan kredit penerbit instrumen berpendapatan tetap dan jangkaan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran faedah dan/atau prinsipal tepat pada masanya yang boleh menjejaskan prestasi portfolio instrumen berpendapatan tetap.

Risiko kredit diuruskan dengan memastikan Unit Amanah melabur dalam instrumen berpendapatan tetap yang diterbitkan oleh penerbit yang mempunyai asas yang kukuh dengan kepercayaan kredit yang baik dan sentiasa memantau keupayaan penerbit bagi memenuhi pembayaran hutang dan perjanjian kewangan.

Pendedahan risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Unit Amanah terhadap risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Kualiti kredit aset kewangan

Unit Amanah melabur dalam sekuriti hutang yang diberi penarafan kredit sekurang-kurangnya gred pelaburan oleh agensi penarafan kredit. Jadual berikut menganalisa portfolio sekuriti hutang Unit Amanah mengikut kategori penarafan:

Penarafan Kredit	2018		2017	
	% atas sekuriti hutang	% atas nilai aset bersih	% atas sekuriti hutang	% atas nilai aset bersih
AAA	21.73	0.58	23.37	0.77
AA1	34.54	0.91	26.55	0.88
AA2	-	-	33.48	1.11
AA3	43.73	1.16	16.60	0.55
	<u>100.00</u>	<u>2.65</u>	<u>100.00</u>	<u>3.31</u>

(e) Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset yang bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika Unit Amanah menyimpan aset yang tidak cair, prestasi Unit Amanah akan terjejas apabila ia perlu menjual aset pada harga yang kurang menguntungkan.

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(e) Risiko kecairan (samb.)

Risiko kecairan juga adalah apabila Unit Amanah menghadapi kesukaran dalam memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Risiko kecairan boleh dikurangkan dengan menguruskan pegangan Unit Amanah dalam aset kurang cair melalui strategi perumpukan aset dan mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Dasar Pengurus adalah untuk sentiasa mengekalkan aset cair secara berhemah dan pada tahap yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi dan permintaan penebusan oleh pemegang unit. Aset cair terdiri daripada tunai, deposit dengan institusi kewangan dan lain-lain instrumen yang mampu ditukar menjadi wang tunai dalam tempoh 7 hari.

Jadual berikut meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan. Baki tertunggak dalam tempoh enam bulan samaada dengan nilai yang dibawa kerana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara.

Liabiliti Kewangan	Kurang dari 1 bulan	1 bulan hingga 1 tahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Lain-lain liabiliti			
2018	<u>47,641,965</u>	<u>283,277</u>	<u>47,925,242</u>
2017	<u>48,631,043</u>	<u>328,712</u>	<u>48,959,755</u>

Pengkelasan kematangan adalah berdasarkan baki tempoh dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontrak. Apabila pihak yang berurusan dengan Unit Amanah mempunyai pilihan untuk menentukan tarikh pembayaran, liabiliti tersebut hendaklah diperuntukkan untuk tempoh yang terawal dimana Unit Amanah diperlukan untuk membuat pembayaran.

17. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(f) Risiko penumpuan

Risiko penumpuan adalah kebarangkalian kerugian yang timbul daripada kekurangan kepelbagaian, melabur terlalu besar dalam satu industri, satu lokasi geografi atau satu jenis sekuriti. Penumpuan yang berlebihan juga boleh mengakibatkan risiko kecairan atau risiko kerugian saham tertentu.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan melabur ke dalam kelas aset dan sekuriti yang berbeza dalam pelbagai sektor atau lokasi geografi yang berbeza dalam had yang diluluskan. Ia juga boleh dikurangkan melalui pengawasan yang rapat kepada pelaburan yang mana pendedahannya adalah terlalu tertumpu.

18. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN

Nilai saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

i. Tunai dan persamaan tunai, instrumen pasaran kewangan, jumlah terhutang daripada/ (kepada) broker saham, tuntutan cukai, peruntukan pengagihan, dan pendapatan belum diterima

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

ii. Pelaburan disebut harga

Nilai saksama saham disebut harga dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

iii. Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga dan sekuriti modal bercantum

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, dan sekuriti modal bercantum ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

iv. Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

19. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

2018	Aras 1 RM	Aras 2 RM	Aras 3 RM	Jumlah RM
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)				
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	1,003,927	-	-	1,003,927
Ekuiti disebut harga	532,478,086	-	-	532,478,086
	<u>533,482,013</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>533,482,013</u>

Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)

Ekuiti disebut harga	72,223,272	-	-	72,223,272
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	23,078,680	-	23,078,680
	<u>72,223,272</u>	<u>23,078,680</u>	<u>-</u>	<u>95,301,952</u>

19. TURUTAN NILAI SAKSAMA (SAMB.)

2017	Aras 1 RM	Aras 2 RM	Aras 3 RM	Jumlah RM
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)				
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	1,078,480	-	-	1,078,480
Ekuiti disebut harga	663,797,666	-	-	663,797,666
	<u>664,876,146</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>664,876,146</u>

Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)

Ekuiti disebut harga	90,206,163	-	-	90,206,163
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	-	5,093,650	-	5,093,650
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	25,063,820	-	25,063,820
Pelaburan tidak disebut harga	-	-	2,930,445	2,930,445
	<u>90,206,163</u>	<u>30,157,470</u>	<u>2,930,445</u>	<u>123,294,078</u>

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Jadual berikut menunjukkan penyesuaian Aras 3 pada nilai saksama:

	2018	2017
Pada 1 Julai	2,930,445	-
Jualan	(2,930,445)	-
Pembelian	-	2,930,445
Pada 30 Jun	<u>-</u>	<u>-</u>

20. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

Kesemua pelaburan Unit Amanah adalah di dalam Malaysia.

21. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

VIII. ALAMAT CAWANGAN ASNB

Zon Utara

PERLIS

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 7, Jalan Indera Kayangan
01000 Kangar, Perlis
Tel: 04- 9781 110/111/977 5702/8332
Faks: 04-9760 800

PULAU PINANG

Amanah Saham Nasional Berhad
No.12, Jalan Todak 3,
Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
Tel: 04-3994 378/381
Faks: 04-3994 404

Amanah Saham Nasional Berhad

A-12A-1 & A-12A-2
Lorong Bayan Indah 4
Bay Avenue
11900 Bayan Lepas
Pulau Pinang
Tel: 04-6406 522 / 04-6406 523
Fax: 04-6406 520

PERAK

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 273 Jalan Intan 12
Bandar Baru Teluk Intan
36000 Teluk Intan, Perak
Tel: 05-6215 153/158
Faks: 05-6215 150

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 8 & 8A,
Persiaran Greentown 1,
Greentown Business Centre,
30450 Ipoh, Perak
Tel: 05-249 6242, 05-249 6245, 05-249 6246
Faks: 05-249 6249

KEDAH

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 27, Kompleks Shahab Perdana
Jalan Sultanah Sambungan
05250 Alor Setar, Kedah
Tel: 04-7310 770/1012
Faks: 04-7314 140

Zon Tengah

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Amanah Saham Nasional Berhad
Kaunter Utama ASNB
Tingkat 1, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5500
Faks: 03-2161 8852

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya
Presint 3, Persiaran Perdana
62675 Putrajaya, Selangor
Tel: 03-8890 4880
Faks: 03-8890 4890

SELANGOR

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 18-1 & 18-2,
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai Seksyen 11
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5510 3155, 03-5512 1366
Faks: 03-5513 7155

Amanah Saham Nasional Berhad

No.7 Jalan Medan Niaga 2
Medan Niaga Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor
Selangor
Tel: 03-3289 4121, 03-3289 3121
Faks: 03-3281 3221

Zon Selatan

MELAKA

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim
Jalan KPAA 1, Bukit Baru
75150 Melaka
Tel: 06-2827 361/2840 690
Faks: 06-2839 940

NEGERI SEMBILAN

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 120 & 121,
Jalan Dato' Bandar Tunggal,
70000 Seremban, Negeri Sembilan,
Tel: 06-763 8546/762 6239
Faks: 06-7633 384

JOHOR

Amanah Saham Nasional Berhad
No.12 Jalan Maju, Taman Maju
83000 Batu Pahat, Johor
Tel: 07-4331 700/701/709
Faks: 07-4331 712

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2
Uda Business Centre
81200 Johor Bahru, Johor
Tel: 07-2346 764/ 2346 763/ 2346 762
Faks: 07-2370 077

VIII. ALAMAT CAWANGAN ASNB

Zon Timur

TERENGGANU

Amanah Saham Nasional Berhad

No 15, Jalan Batas Baru
20300 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-6301 500/501
Faks: 09-6301 506

KELANTAN

Amanah Saham Nasional Berhad

Lof 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan
15350 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7419 900/7419 909
Faks: 09-7446 663

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 52, 52A & 52B,
Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5,
16800 Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim.
Tel: 09-785 5750/5751
Faks: 09-785 5757

PAHANG

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 71 & 73, Tingkat Bawah
Jalan Tun Ismail
25000 Kuantan, Pahang
Tel: 09-5178 340/341
Faks: 09-5136 694

Amanah Saham Nasional Berhad

No.8, Jalan Ahmad Shah
Bandar Seri Semantan
28000 Temerloh, Pahang
Tel: 09-2901 460/1462
Faks: 09-2901 466

Sabah & Sarawak

SABAH

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 55, Tingkat Bawah & 1,
Blok G Asia City Phase 1B
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-257 725/241 011
Faks: 088-218 814

Amanah Saham Nasional Berhad

TB 4287 & TB 4280
Tingkat Bawah & 1 Town Ext II
Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau
91000 Tawau, Sabah
Tel: 089-779 389/390/391
Faks: 089-776 600

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat Bawah,
Lot 1, Circular Blok A Harbour Town,
Jalan Pantai,
91100 Lahad Datu, Sabah
Tel: 089-863 680/681/672/673
Faks: 089-863 675

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 8 & 9 Blok B
Pusat Komersial Datun
Jalan Masak
89008 Keningau, Sabah
Tel : 087-336 629 / 618 /621
Fax : 087-336 619

Amanah Saham Nasional Bhd

Lot 15 Tingkat Bawah
Bandar Pasaraya Fasa 1
90000 Sandakan, Sabah
Tel : 089-210 486 / 223 516
Fax : 089-210 597

SARAWAK

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 886 & 887, Block 9
MCLD Miri Waterfront
Commercial Centre
98000 Miri, Sarawak
Tel: 085-423 746/419 984
Faks: 085-423 384

Amanah Saham Nasional Berhad

Sublot 2 & 3, Lot 4496,
Junction 28, Jalan Keppel,
97000 Bintulu, Sarawak
Tel: 086-344 514/ 541
Faks: 086-344 540

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1457 & 1458
Sg. Kudang Shophouse
Ground Floor, Jalan Buangsiol
98700 Limbang, Sarawak
Tel: 085-210570/571/572/573
Faks: 085-210577

VIII. ALAMAT CAWANGAN ASNB

Sabah & Sarawak

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 4C, Ground Floor
Lot 832 Jalan Sabu
95000 Sri Aman, Sarawak
Tel: 083-321 742
Faks: 083-323 233

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1007 & 1008
Jalan Kampung Nyabor
96000 Sibul, Sarawak
Tel: 084-314 967
Faks: 084-322 497

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat Bawah Lot 499
Al-Idrus Commercial Centre
Seksyen 6 Jalan Kulas
93400 Kuching
Sarawak.
Tel : 082-250 389 / 082-410 210
Fax : 082-250 313

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

